



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

SURAT PEKELILING SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2022

PENGGUNAAN NAMA ATAU LOGO LAIN SESUATU KOPERASI DI BAWAH PERENGGAN 12 (b) AKTA KOPERASI 1993

TUJUAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk memaklumkan mengenai penggunaan nama atau logo lain sesuatu koperasi di bawah perenggan 12(b) Akta.

LATAR BELAKANG

2. Akta Koperasi 1993 (Pindaan) 2021 [Akta A1634] telah berkuat kuasa mulai 1 April 2021 dan apa-apa pindaan di bawah Akta A1634 akan terpakai kepada semua koperasi yang didaftarkan di bawah Akta.

3. Antara pindaan yang terkandung dalam Akta A1634 adalah pindaan perenggan 12(b) Akta dengan memotong perkataan “dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu Suruhanjaya.”. Oleh itu seksyen 12 Akta selepas pindaan adalah seperti berikut :

“Nama berdaftar hendaklah dipamerkan”

12. Tiap-tiap koperasi hendaklah mempamerkan dengan ketara pada setiap cawangannya –

- (a) nama berdaftar koperasi itu; atau
- (b) apa-apa nama atau logo lain sebagaimana yang boleh melambangkan koperasi itu.”

4. Sehubungan dengan itu, apa-apa penggunaan nama atau logo lain sesuatu koperasi tidak lagi perlu mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya dan koperasi hendaklah mempamerkan pada setiap cawangannya apa-apa nama atau logo lain yang hendak digunakan sebagaimana yang melambangkan sesuatu koperasi itu.

PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN

5. Bagi mengelakkan penggunaan logo yang sama dalam kalangan koperasi, Suruhanjaya ingin menasihatkan koperasi supaya mendaftarkan logo mereka di bawah Akta Cap Dagangan 2019 [Akta 815] bagi melindungi logo yang digunakan oleh sesuatu koperasi.

6. Apa-apa logo sesuatu koperasi boleh didaftarkan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) sebagai suatu cap dagangan bagi mendapatkan hak eksklusif penggunaan logo tersebut.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menyalankan amanah,

(**HAJI ZAZALI BIN HARON**)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : 19 Januari 2022